**KAMI CARE HELPLINE**

**<u>Terma-Terma dan Syarat-Syarat untuk Penyertaan bagi Inisiatif ‘Kami Care Helpline’ (“Inisiatif”) yang dianjurkan oleh Astro Radio Sdn Bhd (“ARSB”)</u>**

1. Inisiatif ini terbuka untuk penyertaan oleh semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada masa penghantaran penyertaan, yang memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah (“**Peserta**”).

2. Inisiatif ini tidak terbuka untuk pekerja-pekerja/kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal dan (suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut) ARSB, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka.

3. Peserta boleh menominasikan diri sendiri atau orang lain untuk menerima *Kami Care Kit*. Di mana Peserta telah menominasikan orang lain, Peserta mestilah mendapatkan kebenaran daripada orang tersebut untuk menghantar butiran mereka untuk tujuan Inisiatif ini. Peserta hanya boleh menghantar satu (1) penyertaan sahaja untuk Inisiatif ini. Penyertaan berikutnya akan hilang kelayakan.

4. Peserta harus menghantar butiran yang diperlukan kepada mana-mana satu (1) nombor sah WhatsApp untuk stesen-stesen radio ARSB. Inisiatif ini tidak sama sekali ditaja, disokong, ditadbir oleh, atau dikaitkan dengan, WhatsApp. Peserta memahami bahawa mereka memberikan maklumat mereka atau maklumat orang yang dinominasikan kepada pihak ARSB dan bukan WhatsApp.

5. Setiap penyertaan yang dipilih oleh ARSB, akan menerima satu (1) x *Kami Care Kit* yang akan dihantar ke alamat yang diberikan oleh Peserta. ARSB mempunyai hak mutlak untuk menentukan barang / item yang dimasukkan di dalam *Kami Care Kit* tersebut.

6. Tiada apa yang dinyatakan di sini dimaksudkan untuk mewajibkan ARSB untuk memilih mana-mana penyertaan, dan ARSB mempunyai hak mutlak untuk menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan untuk apa jua sebab. Apa-apa keputusan oleh ARSB mengenai Inisiatif ini adalah muktamad dan ARSB tidak akan melayan apa-apa rayuan atau persoalan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.

7. Tempoh untuk penyertaan adalah dari **<u>1 Julai 2021</u>** sehingga **<u>31 Julai 2021</u>** (“**Tempoh Inisiatif**”). ARSB berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Inisiatif atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknya.

8. Semua konsep-konsep, audio-audio, video-video dan/atau produk-produk atau bahan-bahan di dalam apa-apa bentuk dan format yang dibuat, direkodkan dan dihasilkan oleh ARSB untuk Inisiatif ini (secara kolektif, “**Karya**”) adalah dimiliki secara tunggal dan khususnya oleh ARSB, dan ARSB merupakan pemilik tunggal semua harta intelek di dalam Karya tersebut. Peserta dan/atau orang yang dinominasikan tidak mendapat sebarang hak kepada Karya tersebut dan tidak boleh menggunakan Karya tersebut untuk apa-apa tujuan lain tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada ARSB terlebih dahulu.

9. Dengan menghantar penyertaan, Peserta bersetuju untuk menyerahhakkan kepada dan memberikan ARSB, dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka, hak mutlak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedar, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan butiran/foto/video yang diberikan oleh Peserta dan Peserta mengetepikan apa-apa hak moral dalam butiran/foto/video tersebut. ARSB dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka hendaklah mempunyai hak tunggal (tetapi tidak ada kewajipan) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiarkan butiran/foto/video tersebut dan/atau memasukkannya dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlaknya untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti kepada Peserta dan/atau orang yang dinominasikan.

10. Peserta juga bersetuju bahawa ARSB dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka mempunyai hak untuk menggunakan nama, *sobriquet*, tandatangan, kesamaan, gambar, potret, karikatur, suara, *silhouette* Peserta untuk Inisiatif tersebut atau mana-mana bahagiannya termasuk waktu siaran atau usaha atas talian, komersial, pengiklanan, publisiti, barang dagangan, penerbitan, atau penerbitan muzik ARSB.

11. ARSB dan anak syarikat dan syarikat bersekutu dengan khususnya menafikan kesemua dan apa jua liabiliti berkaitan dengan Inisiatif ini termasuk tetapi tidak terhad kepada (i) jika *Kami Care Kit* tidak diterima oleh penerima untuk apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat penghantaran yang salah telah diberikan, penukaran alamat penghantaran atau penerima tidak berada di alamat penghantaran yang ditentukan pada masa penghantaran dan/atau (ii) penggunaan barang / item di dalam *Kami Care Kit*.

12. Peserta setuju untuk menggantirugi (*indemnify*) dan melepaskan ARSB dan anak syarikat dan syarikat bersekutu dari dan terhadap sebarang dan semua tuntutan-tuntutan, ganti rugi, liabiliti, kos dan perbelanjaan, tuntutan pihak ketiga, fi peguam yang munasabah, fi perunding dan kos mahkamah, sama ada langsung atau tidak langsung, akibat daripada atau dalam jangkaan, yang berkaitan dengan penyertaan Peserta dalam Inisiatif ini.

13. Dengan menghantar penyertaan, Peserta bersetuju untuk mematuhi dan akui bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju kepada terma-terma di dalam Notis Privasi yang terdapat di www.astroradio.com.my dan setuju kepada pemprosesan data peribadi Peserta, oleh ARSB, termasuk penerbitan data peribadi mereka di platform awam untuk tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan pengiklanan dan pemasaran.

14. ARSB berhak meminda, menambah atau mengubah terma-terma dan syarat-syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu, dan dengan menghantar penyertaan, Peserta bersetuju untuk tertakluk kepada terma dan syarat sepertimana dipinda, ditambah atau diubah.

15. Bahasa utama terma-terma dan syarat-syarat ini adalah Bahasa Inggeris. Apa-apa terjemahan kepada bahasa lain adalah untuk tujuan kemudahan sahaja. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang bercanggah dengan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.